

Rujukan Kami : UniSZA.P/1/PP/604-2 (43)
Tarikh : 28 April 2013

Semua Staf
Universiti Sultan Zainal Abidin

YBhg. Prof./Dr./Tuan/Puan,

RAWATAN PERUBATAN DI KLINIK SWASTA (BUKAN PANEL UniSZA)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan **Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.74/2013 yang bersidang pada 24 April 2013** telah bersetuju bahawa semua kos rawatan perubatan yang diperolehi di Klinik Swasta (Klinik Bukan Panel UniSZA) **tidak akan dibiayai oleh UniSZA** berkuat kuasa pada tarikh surat ini .

3. Walau bagaimana pun, pertimbangan boleh diberikan terhadap kes-kes seperti berikut:

- (a) Klinik Swasta berkenaan berada berdekatan dengan tempat kejadian berlakunya kecemasan dan tiada Hospital Kerajaan/Klinik Panel yang berdekatan;
- (b) Keperluan rawatan serta merta yang tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (*life-threatening*);
- (c) Pesakit dalam keadaan tenat/kritikal semasa dibawa ke Klinik Swasta tersebut;
- (d) Pengesahan Kecemasan oleh Pakar Perubatan Klinik Swasta mengenai (b) di atas;
- (e) Berada di luar kawasan atas urusan/ tugas rasmi;
- (f) Tiada kemudahan Klinik Panel disediakan di kawasan tempat tinggal pemohon.

Sekian, semoga dalam perhatian dan penerimaan YBhg. Prof./Dr./Tuan/Puan jua.

Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


NORDIN BIN JUSOH
Pendaftar

- s.k - Naib Canselor
- Pemangku Bendahari
- Penolong Pendaftar Seksyen Keselamatan, Kesihatan & Kebajikan Pekerja